

ART 2025 miliki klausa bolehkan Malaysia menarik diri secara sah

Kuala Lumpur: Perjanjian Perdagangan Timbal Balas (ART 2025) yang ditandatangani Malaysia dan Amerika Syarikat (AS) mempunyai klausa yang membolehkan negara ini menamatkan atau menarik diri secara sah.

Penjelasan itu dibuat Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, susulan pelbagai dakwaan mengaitkan Malaysia terikat dengan AS susulan pemeteraian perjanjian terbabit.

Anwar yang juga Menteri Kewangan, berkata klausa terbabit turut diberi penekanan serius

oleh Jemaah Menteri.

“Saya tak minta saudara (Ahli Parlimen) berterima kasih tapi jangan kutuk seolah-olah kita ini boneka AS. Mana mungkin boleh cakup sedemikian rupa?”

“Tetapi perjanjian perdagangan ini semuanya ada *exit clause* (kluasa untuk tamatkan perjanjian). Mengapa kita tandatangani juga?”

“Ini kerana kita perlu pelaburan dan perdagangan tinggi dengan AS. Namun, soal menyerah (kepada AS) itu tak timbul,” katanya di Dewan Rakyat semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Wan Ahmad Fayhsal Wan Ahmad Kamal (PN-Machang) yang mendakwa ada 40 klausa yang mengikat Malaysia, selain turut menyamakan perjanjian itu sebagai satu bentuk penjajahan terhadap negara.

Wan Ahmad Fayshal turut mendesak Perdana Menteri supaya membawa perjanjian itu untuk dibahaskan di Parlimen.

Anwar kemudian turut menggesa Ahli Parlimen pembangkang supaya tidak terus berprasangka, sebaliknya meneliti terlebih dulu

setiap butiran perjanjian terbabit secara menyeluruh.

“Bila kita baik dengan China juga diserang. Nampak baik dengan AS juga tak boleh. Jadi, nak baik dengan negara mana? Kelantan dan Kedah sahaja?”

“Saya rayu rakan-rakan sebelah sini dan sana (pembangkang dan kerajaan), ini soal negara.”

“Saya bukan muda lagi Tan Sri Yang Dipertua (Johari Abdul). Saya kerja sedaya upaya untuk dapat perhatian negara penting untuk faedah serta masa depan negara,” katanya.